

Universiti Kebangsaan Malaysia  
Fakulti Pendidikan

**MODEL-MODEL PERKEMBANGAN  
KURIKULUM BAHASA ARAB**

**Oleh :**

**Nama Pelajar : Fazly Bin Yaacob**

**No. Matrik : P 39082**

**Bidang : Pendidikan Bahasa Arab**

**Nama Pensyarah : Dr. Nik Rahimi Bin Nik Yusoff**

## **1.0 PENGENALAN KEPADA MODEL**

Menurut Martin Ryder ( 2007 ) model seperti mitos dan metafora, membantu kita memahami sesuatu, samada ia diperolehi secara tiba-tiba atau melalui kajian mendalam. Sesuatu model itu dapat memberi pemahaman yang jelas kepada perkara-perkara yang tidak difahami. Ia membantu kita membayangkan atau menggambarkan masalah yang akan timbul, membuat pecahan-pecahan kepada masalah tersebut serta menjadikannya bahagian-bahagian atau unit-unit yang lebih kecil dan nyata untuk memudahkan proses penyelesaian masalah itu. Oleh itu model ialah sesuatu lakaran yang menunjukkan gambaran yang mudah dan ringkas terhadap sesuatu perkara ( Saodah Wok, Narimah Ismail, Mohd Yusof Hussain, 2005 ).

Nilai kepada sesuatu model adalah ditentukan dari segi konteks penggunaannya. Ia mengambil kira tujuan atau keperluannya kepada penggunanya. Sesuatu model itu sepatutnya dinilai dari segi :

- tujuan pereka-pereka model menciptanya,
- bagaimana kebolehan model itu digunakan dalam perkongsian beban kerja,
- dan bagaimana efektifnya model tersebut mengalihkan fokusnya kepada objek yang telah direka dalam bentuk aktiviti?

## **2.0 MODEL PENGAJARAN**


Pendidikan meliputi aspek kurikulum, pengajaran, penilaian, psikologi pendidikan, pengurusan bilik darjah dan lain-lain yang sesuai dengan keperluan dunia pendidikan serta kehidupan pada masa kini. Dalam menghasilkan pendidikan yang tinggi kualitasnya tidak dapat dinafikan aspek pengajaran mempunyai peranan yang penting. Pengajaran yang berkualiti perlu mengaplikasikan prinsip pedagogi, iaitu ilmu mengajar secara saintifik dalam pendidikan formal ( Esah Sulaiman, 2004 ).

Highet ( 1950 ) melihat pengajaran ini sebagai suatu seni dan juga sains. Pengajaran dikatakan sebagai seni kerana guru mengambil situasi pengajaran akibat

perbezaan kognitif, afektif, dan psikomotor pelajar. Pengajaran sebagai sains pula memerlukan perancangan yang sistematik dan sebagai suatu kajian yang dapat memeperbaiki pengajaran dari semasa ke semasa. Dengan cara ini pengajaran itu bersifat dinamik, progresif, dan membawa kesan positif kepada pelajar. Sehubungan itu, guru perlu memastikan pengajarannya berjaya dan berkesan serta merancang pengajarannya secara sistematik. Sebagai caranya, guru boleh mengadaptasikan model pengajaran yang boleh dijadikan panduan semasa merancang pengajaran.

Sesuai model pengajaran dapat menggambarkan bagaimana sesuatu proses pengajaran itu dilaksanakan langkah demi langkah. Jocye dan Weil ( 1980 ) mendefiniskan model pengajaran sebagai satu pelan atau pola yang boleh diaplikasikan untuk memberi panduan pengajaran dalam bilik darjah.

Suatu model yang paling ringkas dan konvensional meliputi sekurang-kurangnya tiga komponen, iaitu perancangan pengajaran, pelaksanaannya, dan penilaian pengajaran. Ketiga-tiga komponen saling berkait dan dilaksanakan secara berterusan. Rajah 1.1 menunjukkan proses pengajaran yang diasaskan daripada satu model yang mudah.



Rajah 1.1 Model Pengajaran

**Perancangan :**

Sesuatu pengajaran yang hendak dilaksanakan secara berkesan perlu dirancang dengan teliti. Tajuk, objektif pengajaran, isi yang sesuai, kaedah penyampaian, aktiviti dan penilaian perlu difikir dan dirancang supaya pengajaran berjalan dengan baik dan berkesan. Pengajaran yang berpusatkan pelajar memerlukan perancangan yang dikhususkan rekabentuknya kerana ia menjadikan pelajar terlibat aktif dalam pembelajaran mereka berbanding pengajaran secara konvensional yang berpusatkan penerangan lisan atau syarahan dari guru sahaja.

**Pelaksanaan :**

Manakala pelaksanaan pengajaran ialah proses menyampaikan pengajaran kepada pelajar yang banyak bergantung kepada komponen perancangan. Lazimnya perancangan yang baik dan sistematik akan menghasilkan pengajaran yang baik dan berkesan. Seseorang guru itu perlu merujuk kepada tajuk, objektif, kemahiran dan pengetahuan yang hendak diajar serta kaedah penyampaian dalam pengajarannya.

Kaedah pengajarannya mungkin berpusatkan guru seperti kaedah kuliah atau syarahan dan kaedah demonstrasi. Manakala kaedah seperti kaedah penyelesaian masalah, perbincangan kumpulan, pembelajaran sendiri, forum, dan inkuiri penemuan menjadikan para pelajar bergerak aktif dalam bilik darjah. Pengajaran yang berpusatkan bahan pula ialah menggunakan bahan yang dibina oleh guru atau diperoleh daripada internet atau mengaplikasikan ICT dalam pengajaran ( Esah Sulaiman, 2004 ).

**Penilaian :**

Setelah pengajaran dilaksanakan penilaian perlu dilakukan untuk melihat sejauh mana kefahaman pelajar dan pencapaian objektif pengajaran. Penilaian juga boleh dilakukan dalam masa pengajaran disampaikan. Tujuannya adalah untuk mengenalpasti kelemahan pelajar semasa pengajaran dan mengatasi masalah dengan segera sebelum pengajaran berakhir.

### **3.0 BENTUK-BENTUK MODEL PENGAJARAN :**


Terdapat pelbagai bentuk model pengajaran yang boleh diaplikasikan oleh guru dalam pengajarannya, antaranya :

- Model Pengajaran Glaser
- Model Pengajaran Sim
- Model Pengajaran Taba
- Model Pengajaran Inkuiri
- Model Pengajaran Ekspositori
- Model Pelaziman Operan
- Model Pengajaran Komunikatif

### **3.1 MODEL PENGAJARAN GLASER :**

Glaser ( Asmah 1989 ) telah mengutarakan empat komponen yang perlu ada dalam sesuatu pengajaran guru. Komponen berkenaan ialah objektif pengajaran, pengetahuan sedia ada, kaedah mengajar, dan penilaian.

Objektif pengajaran perlu ada untuk menentukan pengetahuan dan kemahiran yang hendak diajar dan yang hendak dicapai selepas pengajaran. Pengetahuan sedia ada pula diperlukan dan yang berkait dengan tajuk yang diajar atau objektif pengajaran untuk memudahkan pembelajaran berlaku. Komponen seterusnya ialah kaedah mengajar, iaitu cara penyampaian pengajaran. Setelah pengajaran berlangsung, perlu diadakan penilaian pengajaran. Komponen ini dapat memberi maklum balas tentang pencapaian samada dari segi objektif pengajaran ataupun kesesuaian kaedah pengajaran yang telah dilaksanakan. Hasil maklum balas itu dapat memberi maklumat untuk mempertingkatkan lagi komponen pengajaran yang lain.



Rajah 1.2 Model Pengajaran Glaser

( Sumber : Asmah Ahmad, 1989 )

#### **Objektif Pengajaran :**

Seseorang guru perlulah membina atau memilih objektif pengajaran yang sesuai dengan kemahiran dan pengetahuan sesuatu mata pelajaran yang hendak diajar. Objektif pengajaran yang dibina ini dapat menerangkan perkara yang hendak diajar dan membolehkan guru merancang pengajarannya dengan baik supaya mencapai objektif yang telah ditetapkan. Manakala objektif yang dibina perlulah sesuai dengan kebolehan pelajar.

#### **Pengetahuan Sedia Ada :**

Semasa merancang pengajaran, guru juga perlu mengambil kira pengetahuan, pengalaman minat, dan motivasi yang ada pada pelajar sebelum pelajaran baru disampaikan. Tujuannya adalah supaya sesuai dengan objektif pengajaran dan kaedah penyampaian.

#### **Kaedah Mengajar :**


Kaedah mengajar ialah prosedur langkah demi langkah menyampaikan pengajaran secara sistematik.

### Penilaian :

Penilaian boleh dilakukan melalui pemerhatian, ujian bertulis, aktiviti, dan kuiz. Maklumat yang diperoleh daripada penilaian dapat mengesan kekuatan dan kelemahan pengajaran.

### 3.2 MODEL PENGAJARAN SIM

Model ini melibatkan lima komponen pembolehubah iaitu objektif pengajaran, murid, guru, isi pelajaran dan persekitaran. Menurut Sim, terdapat hubungan interaksi antara kelima-lima komponen tersebut ( Asmah Ahmad, 1989; Abdul Rahim Md.Ali 2001; Esah Sulaiman, 2004 ).



Rajah 1.3 Model Sim

( Sumber : Esah Sulaiman, 2004 ; Abdul Rahim Md. Ali, 2001 )

### Interaksi Objektif Pengajaran dengan Guru dan Pelajar :

Objektif pengajaran hendaklah dibina oleh guru sebelum mengajar dan guru hendaklah memastikan objektif itu sesuai dengan kebolehan pelajar. Berpandukan objektif tersebut isi pelajaran yang sesuai boleh disediakan.

### **Interaksi Isi Pelajaran dengan Pelajar dan Persekitaran :**

Isi pelajaran yang dipilih hendaklah sesuai dengan persekitaran pelajar. Pengajaran akan menjadi lebih bermakna kepada pelajar kerana berkaitan dengan kehidupan mereka.

### **Interaksi Guru dengan Pelajar dan Persekitaran :**

Dalam pengejaran mengikut model ini, perlu ada hubungan atau interaksi timbal balik antara guru dengan pelajar, iaitu interaksi dua hala dalam persekitaran harmoni dan mempunyai kemudahan pembelajaran.

Terdapat syarat-syarat pengajaran menggunakan Model Sim, iaitu :

#### **( a ) Objektif :**

- eksplisit
- boleh dicapai atau sesuai dengan keupayaan murid
- berbentuk tingkahlaku

#### **( b ) Isi Pelajaran :**


- sesuai dengan kebolehan murid
- sistematik dan mudah
- menggunakan strategi yang sesuai

#### **( c ) Persekitaran :**

- iklim bilik darjah yang sesuai
- ABM yang membantu
- ceria
- 

### **3.3 MODEL PENGAJARAN TABA :**

Dalam model pengajaran ini, Taba menekankan perihai pentingnya penyusunan maklumat daripada senang kepada susah ; daripada konkrit kepada abstrak.. Struktur pengetahuan bermula daripada mencari data sehingga pembentukan prinsip. Dan proses pembelajaran pelajar melibatkan ingatan, terjemahan, interpretasi dan aplikasi.



Rajah 1.4 Model Pengajaran Taba  
( Sumber : Abdul Rahim Md. Ali, 2001 )

**RUJUKAN :**

Abdul Rahim Md. Ali ( 2001 ). Ilmu Pendidikan Untuk KPLI. Kuala Lumpur : Utusan Publications

Ahmad Mohd. Salleh ( 2004 ). Pendidikan Islam Falsafah, Sejarah, dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran. Shah Alam : Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ee Ah Meng ( 2002 ). Psikologi Pendidikan III Semester III. Shah Alam : Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ee Ah Meng ( 1994 ). Perkembangan Dan Pelaksanaan Kurikulum. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Esah Sulaiman ( 2004 ). Pengenalan Pedagogi. Johor : Universiti Teknologi Malaysia Skudai.

Martin Ryder ( 2007 ). Models In Education Learning.

[www.Martin.Ryder@cudenver.edu](http://www.Martin.Ryder@cudenver.edu)

Mok Soon Sang ( 2006 ). Nota Pengurusan Pengajaran – Pembelajaran. Puchong,  
Selangor : Multimedia-ES Resources Sdn. Bhd.

Muhammad Azhar Zailani ( 2005 ). Penggunaan Model Pengajaran Pendekatan  
Komunkatif dalm Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Menengah ( Siri  
Panduan Guru : Pedagogi Merentas Kurikulum ). Bentong Pahang : PTS  
Profesional Publishing Sdn. Bhd.

Murray Print ( 1993 ). Curriculum Development And Design. Australia : Allen & Unwin  
Pty. Ltd.

Saodah Wok, Narimah Ismail & Mohd Yusof Hussain ( 2005 ). Teori-Teori Komunikasi.  
Kuala Lumpur : PTS Profesional Publishing.